



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**19 MEI 2020 (SELASA)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**The Star**

- |  |   |
|--|---|
| - Neither club nor its members broke the law | 7 |
|--|---|

**Berita Harian**

- |  |    |
|--|----|
| - PKP lahirkan masyarakat berfikiran positif | 12 |
|--|----|



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**19 MEI 2020 (SELASA)**

Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Neither club nor its members broke the law
Muka Surat	7

## Neither club nor its members broke the law

WE REFER to the *StarMetro* report titled "DBKL: Bars must close but food outlets can operate".

The report quoted a Kuala Lumpur City Hall (DBKL) spokesperson as saying the closure of the Royal Selangor Club bars at Dataran Merdeka and the Bukit Kiara annexe was "to teach patrons flouting social distancing rules a lesson".

Let us reiterate that at no time were there occasions when the rules were flouted as claimed by DBKL. This was conveyed in a letter to the Kuala Lumpur mayor in

which we described the action of DBKL officers as high-handed.

On May 10, at about 5.45pm, a DBKL team visited the club and went to the Long Bar and Hash Bar which were operational. There were four members inside the Long Bar and another five seated in the terrace area.

All had observed the social distancing rules and at no time were they or the club reprimanded for any breach.

The officers ordered our members to leave the bar and proceeded

to seal the bar with security tape. They sealed the Hash Bar as well.

They then went to the Cellar and proceeded to do the same. This bar had not been in operation since the movement control order (MCO) was issued on March 18.

In our letter, we questioned why they sealed the Cellar Bar which was not open in the first place.

*StarMetro* also reported that DBKL "only advised them to close the bars and areas with entertainment".

For your information, there has

been no entertainment or music in the club since the MCO.

No letter or notice was served for any breach. Despite asking the officers the reasons for the closure, no explanation was forthcoming.

Just before midnight on the same day, three DBKL officers returned to remove all the security tape.

Why this midnight operation if we had indeed breached the law? Was it an attempt to redeem themselves having realised their folly?

The following day, *StarMetro*'s report quoted a DBKL spokesperson

as saying: "We have rules in place. So when you break them, we will take action."

This gives the impression that our members had defied the law. This is a figment of imagination on the part of DBKL's officers.

Let us restate that our members had not broken any law and neither would the club condone any breach.

Sylvester Devaraj,  
President, THE ROYAL  
SELANGOR CLUB



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**19 MEI 2020 (SELASA)**

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	PKP lahirkan masyarakat berfikiran positif
Muka Surat	12

# PKP lahirkan masyarakat berfikiran positif

BT 19/5/2020 M 12



**PKP mendedahkan individu kepada penggunaan pelbagai aplikasi internet yang jarang diterokai sebelum ini.**

(Foto hiasan)

Kerajaan mengisyaratkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac lalu dan kini dilanjutkan sehingga 9 Jun depan.

Keterbatasan dalam kehidupan sehari-hari akibat PKP melatih individu menghargai masa. Tidak kurang juga yang mengubah minda agar berfikiran positif dan akur dengan apa yang berlaku.

PKP mendidik individu membuat perancangan serta jadual harian bagi melaksanakan aktiviti yang berkaitan tuntutan kerja, keluarga, kehidupan sosial, hobi, kepentingan peribadi dan seumpamanya.

Pengurusan masa melalui minda positif dapat memastikan pencapaian matlamat diri, membentuk kehidupan seimbang dan meminimumkan tekanan.

Bagaimanapun, masa adalah sumber paling sukar diurus dan sering menjadi masalah dalam kehidupan. Kadangkala terasa masa berlalu begitu sahaja tanpa membahaukan sebarang hasil dan tentu individu akan menyalahkan masa.

Hakikatnya, amalan suka mengelahkan masa, tidak berdisiplin mematuhi perancangan, tidak berminat serta tidak bermotivasi melakukan kerja menjadi punca masa berlalu begitu sahaja.

Sebenarnya, PKP membuka ruang untuk individu muhasabah diri. Ia adalah masa paling sesuai memikirkan kesilapan dilakukan dan penambahbaikan yang perlu diambil. Masa PKP membolehkan individu melihat sejauh ma-

na tujuan hidup dicapai serta apakah yang sedang dan sudah dilakukan membuka laluan untuk berjaya pada masa depan.

Jika diperhalusi, COVID-19 memberi peringatan dan kesedaran kepada seluruh umat manusia supaya berhenti seketika daripada berlumba mengejar kekayaan dan memikirkan kelepasan alam sekitar.

Sebagai individu berfikiran positif, PKP membuka peluang untuk menambah amal ibadah dengan tenang, tidak tergesa-gesa dalam melakukan pelbagai aktiviti serta mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan.

Boleh dikatakan PKP memberi peluang setiap individu menambah baik diri dan mengisi masa berkualiti bersama keluarga.

PKP juga mendidik individu menggunakan masa secara positif dengan memperkasakan ke-

mahiran teknologi.

Bekerja dari rumah, pembelajaran dalam talian dan pembelian melalui saluran maya mendedahkan individu kepada penggunaan pelbagai aplikasi internet yang jarang diterokai sebelum ini.

Selari perkembangan Revolusi Perindustrian 4.0, PKP sedikit sebanyak membantu mempercepatkan pemahaman dan meningkatkan kesedaran semua lapisan masyarakat berkait teknologi.

Pelbagai aplikasi dalam talian yang sebelum ini jarang disebut seperti Zoom, Microsoft Team, Google Meet dan Skype digunakan secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran, mesyuarat serta persidangan.

Begini juga aktiviti berkongsi dokumen menggunakan Google Docs dan Dropbox serta membaca buku dalam talian melalui platform sumber terbuka ketika

PKP. Semua ini membantu pembentukan minda positif terhadap eratnya teknologi dan kehidupan.

Bagi membentuk minda lebih positif ketika PKP, individu perlu bijak memilih pelbagai maklumat yang tular di media sosial tanpa membawa ia menguasai fikiran, emosi dan aktiviti kehidupan.

Elak melayari blog atau laman sesawang tidak rasmi yang boleh diragui kesahihan maklumat yang disampaikan.

Lambakan maklumat tanpa had mengenai COVID-19 dari media sosial sama ada tulen atau palsu, semakin memburukkan keadaan dan menyumbang kepada rasa panik dalam kalangan masyarakat.

Berdepan PKP dengan minda positif mampu mengisi masa dengan pelbagai aktiviti berfaedah. Membangunkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran baru, masa senggang bersama keluarga, tumpuan yang lebih pada tugas dilakukan dan meraikan perkembangan teknologi antara kebaikan yang terhasil daripada minda positif mendepani PKP.

Justeru, jadikan PKP median membentuk minda positif supaya mampu melihat masa hadapan lebih optimistik, mengharapkan kejayaan lebih baik dan menjadikan kehidupan bermakna.

**Dr Roshayati Abdul Hamid,**  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM